

Tunku Ismail cadang Selangor guna Stadium Selayang bagi kempen Liga M musim ini

Terlepas guna Stadium Nasional

Oleh MUHD. ARDIE PUTRA SUHAIMI

PERSATUAN Bola Sepak Malaysia (FAM) menggesa Persatuan Bola Sepak Selangor (FAS) agar mencari stadium baharu untuk dijadikan gelanggang tuan rumah pada kempen Liga Malaysia (Liga M) musim ini.

Sebagai rekod, FAS telah membuat permohonan untuk menjadikan Stadium Nasional, Bukit Jalil (SNBJ) sebagai venue rasmi tahun ini tetapi perkara tersebut telah ditolak oleh Presiden FAM, Tunku Ismail Sultan Ibrahim.

Baginda bertitah, keputusan Selangor untuk menjadikan SNBJ sebagai gelanggang utama mereka adalah tidak relevan kerana ia menyebabkan kemungkinan Football Malaysia Limited Liability Partnership (FMLLP) akan meminda lebih banyak perlawanan musim ini.

"Kedua-dua pihak iaitu pengurusan stadium dan FMLLP telah berusaha untuk bekerjasama bagi mengkaji perkara ini

tetapi adalah mustahil untuk memberi jaminan bahawa stadium tersebut tersedia sepanjang tahun.

"Jika terdapat perubahan jadual pertandingan berpunca daripada isu ini, sudah tentu FMLLP akan dipersalahkan dan kita tidak bergerak seiringan ke arah penjadualan yang lebih stabil seperti yang saya arahkan kepada pengurusan FMLLP," kata baginda dalam satu kenyataan semalam.

Mengulas lanjut, baginda turut memberi pandangan agar FAS sudi untuk melabur sedikit dana bagi memperbaiki lampu limpah Stadium Majlis Perbandaran Selayang bagi kegunaan mereka musim ini.

"Kita mesti bergerak ke hadapan, jadi Selangor tidak boleh memberi alasan yang Stadium Selayang tidak boleh diguna pakai hanya disebabkan oleh lampu limpah yang tidak mematuhi spesifikasi yang ditetapkan FMLLP.

"Adalah menjadi tanggungjawab pasukan Selangor untuk menaik taraf lampu

limpah tersebut kerana pasukan seperti PJ Rangers turut sanggup melabur untuk Stadium MBPJ demi memastikan gelanggang tersebut lebih sesuai digunakan pada waktu malam," titah baginda.

Sementara itu, Setiausaha Agung FAM, Datuk Hamidin Mohd. Amin turut menyarankan skuad kendalian P. Maniam itu segera mencari alternatif memandangkan saingan Liga Super akan membuka tirai pada 3 Februari depan.

"Stadium Nasional merupakan gelanggang utama bagi pasukan bola sepak kebangsaan dan adalah tidak wajar gelanggang yang dianggap berkecuali bagi semua pasukan tempatan ini dijadikan gelanggang tuan rumah untuk pasukan Selangor.

"FAS perlu bertindak segera untuk mencari stadium alternatif lain yang berdekatan seperti Stadium Selayang, Stadium Bola Sepak Kuala Lumpur, Cheras atau Stadium Tuanku Abdul Rahman, Paroi," katanya.



TUNKU ISMAIL